

KERATAN AKHBAR

JUDUL : UTUSAN MALAYSIA

TARIKH : 20 Ogos 2024

SITASI :

M/S : 27

Ahmad, A. (2024, August 20). Misteri kehebatan manuskrip nadir perubatan Melayu lama. *Utusan Malaysia*, p. 27.

Utusan
Malaysia

Gaya • WARISAN

Utusan Malaysia | SELASA • 20 OGOS 2024 | 27

Misteri kehebatan manuskrip nadir perubatan Melayu lama

Oleh AMREE AHMAD
utusannews@mediamalaysia.com.my

MUNGKIN tidak ramai daripada kalangan kita tahu bahawa masyarakat Melayu zaman dahulu merakamkan pelbagai topik dalam bentuk penulisan termasuk Barat kerana sifat kenadiran dan ketetapan ilmu dinukiluk.

Bidang didokumentasikan itu juga bukan calang-calang malah ada yang menjadi sumber rujukan dunia luar termasuk Barat kerana sifat kenadiran dan ketetapan ilmu dinukiluk.

Khazanah itu dituliskan dalam helaian lembutan tebal yang membentuk format manuskrip dan membuktikan nilai kehebatan cendekiawan Melayu kuno mencerakini mauduk ilmiah berat.

Antara malar terkenal seantero jagaialah *Kitab Tib* yang sekiranya diterjemahkan secara harfiah bererti jurnal sains perubatan dan merupakan koleksi lebih 50 naskhah manuskrip.

Anehnya sehingga kini masih tidak diketahui dengan jelas mengenai identiti asal penulis sebenar setiap manuskrip itu dan misteri bagaimana sumber ilmu ini boleh diperturunkan.

Majlis Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) mengambil inisiatif menjelidik kembali manuskrip ini dan diterbitkan sebagai buku *Kitab Tib: Ilmu Perubatan Melayu* pada 2006.

Naskhah moden itu yang asalnya setebal 436 halaman dan disusun oleh Harun Mat Piah malah sudah dicetak



KEHEBATAN khazanah ilmu dalam manuskrip lama Melayu turut menjadi tumpuan penyelidik sejarah dari seluruh dunia.

beberapa edisi dengan ada lagi tambahan maklumat dikemas kini.

KITAB TIB
Kitab Tib merupakan himpunan kajian perubatan Melayu tradisional dengan teks Melayu lama turut diperoleh dari Britain, Belanda, Indonesia, Brunei dan Sri Lanka.

Apakah yang menarik, manuskrip ini sudah diangkat sebagai Seni Warisan Negara di bawah kategori bahasa dan persuratan kerana kepentingannya daripada sudut warisan tidak ketara.

Dokumen ini secara tersirat

memaparkan kebijaksanaan Melayu ratusan tahun lalu dalam mengupas punca penyakit, cara penyembuhan, jenis penawar dan aneka pantang larang.


Ini termasuklah sakit biasa contohnya demam, batuk dan lelah selain penyakit berjangkit seperti kipas, kudis, cacat di samping itu kerasukan makhluk halus dan kes tenaga batin.

Uniknya, buku kuno itu pernah diterjemahkan oleh Pihak Pharmaceutical Society of Great Britain ke dalam bahasa Inggeris pada 1866 dan dirujuk pakar Barat awal abad ke-20 lalu.

KUPASAN KITAB
PNM akan mengupas mengenai kitab ini dalam Persidangan Antarabangsa Manuskrip Melayu (PAMM) 2024 selama dua hari mulai 25 September ini.

Menurut Ketua Pengarahnya, Salasiah Abdul Wahab yang dihubungkan, agensi itu bersetuju mengangkat satu tema khusus iaitu "Kitab Tib: 1001 Rahsia Ilmu Perubatan Tradisional".

Persidangan edisi kali yang diadakan bersempena dengan Kempen Bulan Membaca Kebangsaan 2024 anjuran oleh Kementerian Perpaduan Negara dan pelbagai agensinya.



MUKA depan Kitab Tib edisi terbaharu terbitan PNM yang dicetak semula atas permintaan ramai.

"Tema pada kali ini dipilih selaras pencalonan manuskrip koleksi nadir PNM itu agar dapat disenaraikan pula sebagai antara judul bahan warisan dokumentari dunia," katanya.

Inisiatif itu ujarnya, diperkenalkan oleh Pertubuhan Pendidikan, Saintifik dan Kebudayaan Bangsa Bersatu (UNESCO) menerusi program khas global dikenali *Memory of the World*.

Skim itu bermula pada 1992 lalu bagi memuliakan dan mempromosikan dokumen warisan bersifat sejagat yang

ketika ini sudah mendaftarkan lebih 400 judul dari pelbagai negara.

Sehubungan itu, PAMM 2024 turut bermatlamat mahu menggalakkan lagi masyarakat Malaysia menghargai nilai *Kitab Tib* sebagai manifestasi kearifan tinggi ilmuwan Melayu.

"PNM mahu mendedahkan rakyat supaya menghargai kepentingan manuskrip lama Melayu sebagai antara sumber pensejarahan utama dan amat sahih dirujuk," tegasnya.

Beliau optimis persidangan itu bakal menjadi wadah kepada penyelidik dari seluruh dunia untuk dapat berwacana dan menjalin kerjasama strategik.

Seramai 11 peserta dari dalam dan luar negara dijadualkan membentangkan kerja kerja mengikut subtema pelbagai.

Acara itu juga jelas Salasiah, akan menonjolkan kehebatan PNM menerusi Pusat Kebangsaan Manuskrip Melayu yang ketika ini sudah memiliki koleksi mencerek 5,252 naskhah asal.

Premis khas ditubuhkan pada 1983 itu merupakan repositori manuskrip Melayu terbesar di dunia meliputi bahan dari kurun ke-16 sehingga awal abad ke-20 dalam bahasa Melayu.



KAJIAN mendapat terdapat lebih 50 manuskrip kuno Melayu di seluruh dunia yang menyimpulkan bahagai rahsia perubatan silam sehingga menjadi panduan penyelidik Barat. - FOTO PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA